

# 500

# pelanggan

# STM

14 April '89

# didakwa

Oleh ADAM MOHAMAD

JOHOR BAHRU, Khamis — Syarikat Telekom Malaysia (STM) sudah mengambil tindakan mahkamah terhadap lebih 500 pengguna telefon di negeri ini dan menghantar notis tuntutan bayaran bil kepada 300 lagi sejak Ogos hingga Februari lalu.

Pegawai Perhubungan STM kawasan selatan, Puan Rahilah Annuar, berkata pihaknya sudah beberapa kali menghantar surat peringatan, menyatakan tindakan sedemikian akan diambil jika bil telefon mereka tidak dijelaskan.

"STM perlu bertindak tegas bagi mendapatkan semula jumlah hutang yang tertunggak dan memastikan ia menjadi pengajaran kepada semua pengguna menjelaskan hutangnya," katanya kepada *Berita Harian*.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menyatakan jumlah hutang yang tertunggak setakat ini serta jumlah kutipan yang berjaya diperolehi atas sebab tertentu.

Puan Rahilah berkata pengguna yang menerima notis tuntutan perlu menjelaskan bayaran dalam tempoh dua bulan dan ia boleh dibayar tiga kali atau tindakan mahkamah akan diambil.

"Pengguna perlu membayar sekurang-kurangnya satu pertiga da-

ripada jumlah hutangnya itu secara tunai sebelum menjelaskan sepenuhnya," katanya.

Puan Rahilah berkata STM menerima 3,500 aduan secara lisan dan bertulis daripada semua pengguna di negeri ini tahun lalu, berhubung masalah bil telefon yang naik secara mendadak.

"Jumlah itu dikira kecil kerana ia hanya membabitkan 2.5 peratus daripada keseluruhan talian telefon yang dipasang di negeri ini," katanya.

Menurutnya STM tidak menghadapi masalah meminta penggunaanya membayar bil telefon yang tinggi, walaupun mereka mendakwa bil itu naik kerana taliannya digunakan oleh orang lain.

"STM akan merujuk perkara itu melalui bahagian Perkhidmatan Bil Terperinci untuk mengkaji kedudukan bil itu, yang ditugaskan merakamkan keseluruhan panggilan jauh yang dibuat oleh pengguna," katanya.

Puan Rahilah berkata perkhidmatan itu berjaya mengatasi dua pertiga peratus aduan yang diterima itu.

Menurutnya STM akan mencampurkan bil telefon yang enggan dibayar oleh pelanggan dengan bil bulan berikutnya, jika mereka berkeras mempertikaikan bil itu walaupun STM sudah membuktikan pelanggan itu wajib membayarnya.